

## **KATA ALU-ALUAN NAIB CANSOLOR UiTM**

*Bismillahirrahmanirrahim,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Program *biz.spotlight* dapat dilaksanakan buat julung kalinya. Saya mengucapkan tahniah kepada seluruh warga Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM) atas komitmen yang diberikan dalam menjayakan program yang penuh bermanfaat ini. Saya yakin, BITCOM telah memainkan peranannya secara aktif dalam memaksimumkan impak pengkomersialan di UiTM sejajar dengan inspirasi universiti dan kementerian dalam membudayakan dan memperkasakan hasil penyelidikan universiti kepada satu aras yang lebih tinggi.

Realitinya, dalam era globalisasi hari ini, terdapat pelbagai jenis teknologi dan produk ciptaan penyelidik UiTM yang boleh meningkatkan nilai komersial produk-produk tempatan. Justeru itu, *biz.spotlight* menjadi platform yang cuba mengetengahkan dan mempromosikan harta-harta intelek UiTM, seterusnya menyumbang kepada perkembangan ekonomi tempatan. UiTM akan terus menyokong pembangunan mampan dalam inovasi dan pengkomersialan produk tempatan melalui pelbagai inisiatif yang melibatkan warga penyelidik, pihak industri serta masyarakat.

Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan dari pelbagai agensi seperti Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Cradle Fund Sdn. Bhd, Bank Simpanan Nasional (BSN), BioEconomy Corporation, MNJ Teras Sdn. Bhd. dan sebagainya di atas sokongan yang diberikan. Penglibatan agensi-agensi berkepentingan ini menjadi bukti pengiktirafan terhadap keupayaan teknologi dan produk-produk UiTM.

Semoga, kerjasama dan hubungan erat daripada semua pemegang taruh yang terlibat, mampu merencanakan lagi pelbagai aktiviti inovasi, pengkomersialan dan promosi yang berteraskan pengetahuan dan penyelidikan.

Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam melaksanakan program ini. Saya berharap dengan kesungguhan dan kerjasama ini, akan memberikan manfaat yang besar kepada semua pihak. Jadikan program seumpama ini sebagai satu wadah yang akan menyerlahkan lagi ketampakan UiTM, dalam bidang inovasi dan pengkomersialan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

Naib Canselor UiTM